

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
DI MAJLIS PERASMIAN BENGKEL KNOWLEDGE MANAGEMENT
Pada 8 Ogos 2008, 2.30 Petang, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah**

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia Prof. Dr. Amran Ahmed,
Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah,
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perpustakaan UMS,

Yang Berusaha Puan Dg Rukiah Ag Amit,
Pemangku Ketua Pustakawan UMS,
Merangkap Pengerusi Bengkel Knowledge Management

Pegawai-Pegawai Utama UMS,

Yang Berusaha Encik Iskandar Ahmad
Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat BUMI IT Consulting Sdn Bhd

Yang Dihormati Dato' Dr. Zaiton Osman, Ketua Perunding Paradigm Systems Berhad,
selaku penyampai Ucaptama Bengkel pada petang ini,

Para Dekan dan Ketua-ketua Jabatan UMS,

Ketua-Ketua Pustakawan, Para Jemputan,

Para Penceramah dan Peserta Bengkel, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapatlah kita bersama-sama menjayakan Majlis perasmian Bengkel Knowledge Management pada petang ini.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak Perpustakaan UMS kerana telah berjaya menganjur dan seterusnya menjayakan bengkel ini bermula pada **hari ini sehingga esok**. Terima kasih saya ucapkan kepada Syarikat Bumi IT Consulting Sdn Bhd, kerana

telah berusaha dan bekerjasama dalam menjayakan bengkel ini. Kepada **YBhg. Dato' Dr. Zaitun Osman**, Ketua Perunding Paradigm Systems Berhad dan juga para penceramahnya, saya mengucapkan selamat datang ke Sabah, khususnya ke UMS.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kerajaan kini sedang menumpukan usaha ke arah pembinaan masyarakat berasaskan pengetahuan (*knowledge-based society*) dalam memperkasakan ekonomi negara ini agar mampu bersaing di peringkat global. Penguasaan terhadap maklumat dan pengetahuan dilihat sebagai suatu kemestian bagi setiap individu, masyarakat mahupun organisasi dalam mencapai sebahagian daripada matlamat Wawasan 2020 . Cara kita memperolehi ilmu pengetahuan (learn), mencipta (create), mengekal (retain) dan memindahkan (transfer) maklumat serta pengetahuan itu adalah penting dalam menentukan kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi

Knowledge Management atau dalam bahasa Melayunya disebut sebagai **Pengurusan Ilmu** itu adalah amat penting dalam menjamin sesuatu ilmu, maklumat serta pengetahuan itu disimpan, dipelihara dan dikongsi bersama bagi faedah komuniti mahupun faedah sesebuah organisasi. Kemajuan dalam teknologi IT dan ICT mempermudah lagi **Pengurusan Ilmu** ini dalam konteks penggunaan sistem perkakasan dan juga sistem perisian yang bersesuaian. Melaluinya, ilmu pengetahuan dan maklumat dapat diakses dan dikongsi secara online dengan lebih sistematik, lebih mudah, lebih cepat dan lebih berkesan. Perolehan maklumat yang tepat dan pantas yang diperlukan akan mempercepatkan proses membuat-keputusan (decision-making) mengenai sesuatu perkara, dan oleh yang demikian ia dapat menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan sesebuah organisasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dalam konteks universiti , **Pengurusan Ilmu** yang standard dan sistematik adalah amat penting dan perlu untuk tujuan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan serta penerbitan. Penyediaan pangkalan data misalnya, mengandungi pengetahuan dan maklumat dalam pelbagai bidang yang berkaitan akan membolehkan ianya diakses secara online dan dapat dikongsi untuk faedah bersama oleh warga universiti. Ianya termasuklah ilmu pengetahuan, maklumat, pengalaman serta kepakaran yang dimiliki oleh para ahli akademik dalam bidang masing-masing , sama ada berupa **explicit knowledge** dalam bentuk bahan atau karya penulisan dan penyelidikan, ataupun **tacit knowledge** yang tidak pernah didokumentasikan di mana-mana jua pun sebelum ini. Oleh itu bagi merealisasikan impian ini maka universiti amat memerlukan komitmen yang tinggi dan penglibatan sepenuhnya daripada para ahli akademiknya dalam menyumbangkan ilmu pengetahuan, maklumat, pengalaman serta kepakaran yang dimiliki, baik dalam bentuk **explicit knowledge** mahupun **tacit knowledge** tadi.

Dalam aspek pengurusan dan pentadbiran universiti pula misalnya, pengwujudan satu sistem pengurusan **ilmu** pengetahuan dalam hal-hal yang berkaitan dengan dasar dan polisi, prosidur, standard, peraturan, pengetahuan, kepakaran, pengalaman serta amalan-amalan terbaik (*best practices*) amatlah diperlukan sebagai panduan dan rujukan kepada golongan pentadbir yang ada di dalam sebuah universiti berkenaan. Oleh itu, semua pihak atau jabatan berkenaan perlulah saling bekerjasama dalam menyediakan maklumat dan pengetahuan yang berkaitan, bersesuaian dengan fungsi, tugas dan tanggungjawab masing-masing. Maklumat ini kemudian akan dipusatkan dalam satu pangkalan data untuk mudah di akses dan dikongsi secara online, dengan lebih mudah, lebih cepat, lebih tepat dan lebih berkesan. Apa yang penting ialah, perolehan maklumat yang tepat dan pantas yang diperlukan akan mempercepatkan proses buat-keputusan (*decision-making*) dan tindakan, seterusnya akan dapat meningkatkan kualiti kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan dan pentadbiran universiti.

Dengan adanya pangkalan data ini maka segala pengetahuan dan maklumat berkenaan akan dapat dikumpulkan, disimpan, dikemaskini dan dipelihara dengan baik

sebagai salah satu harta intelek universiti (*intellectual property*) bagi panduan dan rujukan kepada generasi sekarang dan juga generasi pewaris yang akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih, syabas dan tahniah kepada Perpustakaan UMS serta pihak Bumi IT Consulting Sdn Bhd di atas usaha murni ini. Kepada para peserta saya mengucapkan selamat berbengkel. Semoga bengkel ini akan berjaya mencapai objektif yang diharapkan.

Maka dengan itu, sukacitanya dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM, saya merasmikan **Bengkel Knowledge Management** pada hari ini.

Sekian, Terima Kasih

YBhg. Lt. Kol. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman bin Hj. Ampon